



**MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5
TAHUN 2014**

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

MODUL 1

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A,B,C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak

Jawab semua soalan

- 1 Sebidang tanah telah dibeli oleh Farhana Husna Enterprise pada 1 Julai 2008 dengan harga RM85 000. Pada tahun 2014, nilai pasaran tanah menunjukkan peningkatan kepada RM120 000 selepas penilaian dibuat.
- Berapakah nilai tanah yang akan direkodkan dalam penyata kewangan tahun 2014, jika pihak pengurusan ingin melaporkan mengikut nilai saksama?

- A RM35 000
- B RM85 000
- C RM120 000
- D RM205 000

- 2 Berikut ialah ciri-ciri organisasi perniagaan

	Ciri	Milikan Tunggal	Perkongsian	Syarikat Berhad
I	Bilangan ahli	1 orang	2 hingga 20 orang	Melebihi 2 orang
II	Penubuhan	Mudah	Sukar	Mudah
III	Liabiliti	Terhad	Tidak terhad	Terhad
IV	Modal	Sendiri	Sumbangan Pekongsi	Saham ahli

Maklumat yang manakah benar?

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3 Rajah di bawah adalah sebahagian daripada proses kitaran perakaunan.



Apakah P?

- A Lejar
- B Jurnal
- C Buku Tunai
- D Imbangan Duga

4 Antara berikut, yang manakah liabiliti semasa?

- I Gaji terakru
- II Overdraf bank
- III Insurans terdahulu
- IV Sewa diterima terdahulu

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

5 Pada 1 April 2014, Afifah Syamila telah memulakan perniagaan runcit dengan memasukkan tunai ke dalam bank sebanyak RM18 000.

Apakah catatan bergu bagi urusan tersebut?

	Debit	Kredit
A	Akaun Tunai	Akaun Modal
B	Akaun Modal	Akaun Bank
C	Akaun Bank	Akaun Tunai
D	Akaun Bank	Akaun Modal

6 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Aliesya.

	RM
Aset bukan semasa	10 000
Aset semasa	6 980
Liabiliti bukan semasa	6 000
Liabiliti semasa	580

Berapakah ekuiti pemilik perniagaan berkenaan?

- A RM10 400
 - B RM11 560
 - C RM22 400
 - D RM23 560
- 7 Apakah tujuan diskaun niaga?
- A Menarik lebih ramai pelanggan
 - B Mengelakkan berlakunya hutang lapuk
 - C Menggalakkan pembeli membayar segera
 - D Menggalakkan pembeli membeli dengan kuantiti yang banyak
- 8 Jumlah jualan dalam inuis yang dikirim kepada Encik Adam pada 3 Mac 2014 ialah RM450. Syarat diskaun tunai ialah 10% jika dibayar dalam tempoh sebulan. Hitungkan jumlah yang harus dibayar oleh Encik Adam jika beliau membuat bayaran pada 5 April 2014.
- A RM45
 - B RM405
 - C RM450
 - D RM495

- 9 Dokumen di bawah dihantar oleh Kedai Perabot Alia kepada pelanggannya:

SALINAN

NOTA DEBIT
Kedai Perabot Alia
50, Jalan Bakar Arang,
08000 Sungai Petani, Kedah

Kepada:
Kedai Runcit Murni
33, Jalan 3,
Taman Petani Jaya,
08000 Sungai Petani Kedah

Tarikh: 25 Mac 2014

NO INVOIS	KETERANGAN	JUMLAH(RM)
A007	Harga 5 buah rak terkurang caj RM30 (5XRM30)	150
	JUMLAH	150

(Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lima Puluh Sahaja)

Alia
Pengurus

Apakah Buku Catatan Pertama yang digunakan oleh Kedai Perabot Alia untuk merekod dokumen di atas.

- A Jurnal Jualan
- B Jurnal Belian
- C Jurnal Pulangan Belian
- D Jurnal Pulangan Jualan

10 Apakah dokumen yang digunakan dalam urus niaga tunai?

- A Invois
- B Baucar
- C Makluman Debit
- D Makluman Kredit

11 Antara berikut, manakah padanan yang **betul**?

	Buku Catatan Pertama	Dokumen Sumber
A	Jurnal Pulangan Jualan	Nota Debit (Salinan)
B	Jurnal Pulangan Belian	Nota Kredit (Asal)
C	Jurnal Jualan	Invois (Asal)
D	Jurnal Belian	Invois (Salinan)

12 Jurnal Belian berikut diperoleh daripada Kedai Sayang pada 30 April 2014.

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Jumlah (RM)
2014		
Apr. 5	Mimi Enterprise	1 450
21	Syarikat Abang Sdn. Bhd.	3 700
30	X	5 150

Apakah **X**?

- A Akaun Belian
- B Jumlah Belian
- C Pelbagai Pemiutang
- D Jumlah Jurnal Belian

13 Antara berikut, butir yang manakah dicatat dalam Buku Tunai Runcit?

- I Tambang
- II Gaji kerani.
- III Komputer pejabat
- IV Upah mencuci pejabat.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Antara berikut, urus niaga manakah merupakan catatan kontra?

- A Tunai di tangan dibankkan
- B Tunai daripada jualan stok dibankkan
- C Tunai dikeluarkan dari bank untuk kegunaan peribadi
- D Tunai peribadi pemilik dimasukkan ke dalam bank perniagaan

15 Encik Ziyad membeli sebuah motosikal secara kredit daripada Kedai Motor Jebat untuk kegunaan perniagaannya. Apakah akaun yang terlibat bagi urus niaga tersebut?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A	Belian	Kenderaan
B	Kenderaan	Kedai Motor Jebat
C	Kedai Motor Jebat	Kenderaan
D	Belian	Kedai Motor Jebat

- 16 Apakah fungsi Imbangan Duga ?
- A Mengira untung kasar
 - B Menghitung jumlah modal
 - C Menunjukkan prestasi perniagaan
 - D Menyemak ketepatan catatan bergu

- 17 Petikan Imbangan duga berikut diperoleh daripada Perniagaan Gagah.

Imbangan Duga pada 31 Mac 2014

	Debit	Kredit
	RM	RM
Belian dan Jualan	38 500	46 900
Penghutang dan Pemiutang	7 800	6 500
X	5 000	

Apakah X ?

- A Modal
 - B Overdraf bank
 - C Sewa diterima
 - D Diskaun diberi
- 18 Pada 31 Julai 2013, Syarikat Mutiara Sinar Sdn. Bhd. telah membayar premium insurans tahunan RM360. Tempoh perakaunan syarikat tersebut berakhir pada 31 Mac 2014. Hitungkan belanja insurans bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2014.
- A RM120
 - B RM180
 - C RM240
 - D RM360

19 Maklumat di bawah diperolehi daripada buku Gemilang Enterprise pada 31 Mac 2014.

	RM
Untung kasar	20 000
Sewa	3 600
Gaji	4 200
Kenderaan	6 000
Tunai	500
Kadar bayaran	1 800

Berapakah untung bersih perniagaan tersebut bagi tahun berakhir 31 Mac 2014 ?

- A RM4 400
- B RM9 900
- C RM10 400
- D RM18 800

20 Pilih padanan yang **betul**.

	Butiran	Komponen
A	Kadar bayaran terakru, sewa diterima terakru	Aset semasa
B	Kadar bayaran terdahulu, sewa diterima terakru	Liabiliti semasa
C	Insurans terdahulu, komisen diterima terakru	Aset semasa
D	Insurans terdahulu, komisen diterima terdahulu	Liabiliti semasa

- 21 Maklumat berikut diperolehi daripada Imbangan duga Mansoon Sdn. Bhd pada 31 Mac 2014.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Penghutang	20 000	
Hutang lapuk	300	

Perniagaan Mansoon Sdn. Bhd. telah mewujudkan peruntukan hutang ragu sebanyak 6% atas penghutang bersih. Berapakah peruntukan hutang ragu pada 31 Mac 2014 ?

- A RM 900
 - B RM1 182
 - C RM1 200
 - D RM1 218
- 22 Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaan Pearl Cindy Sdn. Bhd.

2013		RM
April	6 Membeli alat tulis pejabat secara tunai	500
Okt.	15 Membeli alat tulis secara kredit daripada Ali Stationary	600
2014		
Mac	31 Stok bekalan alat tulis yang belum digunakan	200

Berapakah jumlah alat tulis yang dicatat dalam Akaun Untung Rugi ?

- A RM200
- B RM900
- C RM1 100
- D RM1 300

23 Manakah butir yang perlu direkodkan di sebelah kredit Buku Tunai semasa mengemaskini Buku Tunai bagi penyediaan Penyata Penyesuaian Bank?

- A Caj bank
- B Pindahan kredit
- C Dividen pelaburan
- D Faedah atas simpanan

24 Maklumat berikut daripada Perniagaan Shazwina:

Buku Tunai (petikan ruangan Bank)				
Dt				Kt
	RM	2013		RM
		April 12	Angkutan (no. Cek 101345)	353

Penyata Bank (petikan)

Tarikh	Butir	No.cek	Debit	Kredit	Baki
2013			RM	RM	
April 12	Cek	101345	333		

Jumlah angkutan tersalah catat dalam Buku Tunai. Apakah catatan yang perlu dilakukan dalam Buku Tunai untuk membetulkan kesilapan tersebut?.

- A Debit RM20
- B Kredit RM20
- C Debit RM333
- D Kredit RM333

25 Penyata Bank yang diterima oleh Perniagaan Safia pada 31 Mei 2013 menunjukkan baki kredit RM1 190, manakala Buku Tunainya berbaki debit RM780. Apakah sebab perbezaan baki ini?

- A Arahkan tetap RM410
- B Cek tak layan RM410
- C Cek belum dikemukakan RM410
- D Deposit belum dikreditkan RM410

26 Manakah butir yang diambil kira dalam penyediaan belanjawan tunai?

- I Hutang lapuk
 - II Ansuran pinjaman
 - III Susut nilai kenderaan
 - IV Pembelian aset bukan semasa
-
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

27 Puan Fizo menerima gaji pokok RM3 900 dan elaun-elaun berikut pada bulan April 2014 :

	RM
Bantuan sara hidup	250
Elaun perumahan	400

Beliau juga membuat caruman kepada KWSP sebanyak RM505.00.

Berapakah gaji kasar Pn Fizo?.

- A RM3 395
- B RM3 755
- C RM4 055
- D RM4 550

- 28 Encik Mawar menerima gaji kasar RM6 000 sebulan. Kadar Caruman KWSP bahagian pekerja ialah 11% dan bahagian majikan ialah 12% .

Berapakah jumlah gaji bersih Encik Mawar setahun? .

- A RM55 440
- B RM64 080
- C RM79 920
- D RM88 560

- 29 Antara berikut, siapakah yang diwajibkan mencarum dengan PERKESO?

- A Pemilik Perniagaan Milikan Tunggal
- B Buruh Myanmar di tapak pembinaan
- C Operator Pengeluaran di Kilang Eletronik
- D Pembantu Perubatan di Klinik Satu Malaysia

- 30 Ang Zhi Long adalah rakan kongsi di dalam satu perkongsian. Beliau menerima gaji tahunan sebanyak RM10 000. Pada pertengahan tahun, beliau telah dibayar gaji sebanyak RM4 500.

Hitung gaji yang perlu dicatatkan ke dalam Akaun Semasa Ang Zhi Long.

- A RM4 500
- B RM5 500
- C RM10 000
- D RM14 500

- 31 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perkongsian Haikal dan Hakim pada 31 Mac 2014.

	RM
Untung bersih sebelum pelarasan	26 110
Faedah atas modal :	
Haikal	960
Hakim	1 920
Pembahagian keuntungan Haikal dan Hakim ialah 1 : 4	

Rakan kongsi bersetuju untuk membuat pelarasan bagi perkara berikut:

- (i) Hutang lapuk adalah RM320

Berdasarkan maklumat di atas, berapakah kongsi untung Haikal ?

- A RM4 582
B RM4 646
C RM4 710
D RM5 798
- 32 Apakah butiran yang direkodkan di sebelah debit dalam akaun semasa perkongsian?
- A Gaji perkongsian
B Kongsi Untung
C Faedah Atas Modal
D Faedah Atas Ambilan

- 33 Berikut ialah Akaun Realisasi dalam pembubaran perkongsian Dishalini dan Varshini yang berkongsi untung atau rugi perniagaan mengikut nisbah 2:3.

Akaun Realisasi			
	RM		RM
Kenderaan	30 000	Bank	8 000
Lengkapan	2 000	Modal Varshini	25 000
Stok	4 700	Diskaun diterima	200
Penghutang	3 000		
Belanja Realisasi	300		

Berapakah untung atau rugi realisasi setiap pekongsi?

		Dishalini	Varshini
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
A	Untung realisasi	2 720	4 080
B	Untung realisasi	4 080	2 720
C	Rugi realisasi	2 720	4 080
D	Rugi realisasi	4 080	2 720

- 34 Petikan Jurnal Am berikut diperoleh semasa pembubaran Perkongsian Nabila dan Syamimi.

Dt	Akaun pemiutang	RM 6 400	RM
	Kt Akaun Realisasi		400
	Kt Akaun Bank		6 000

Apakah yang dimaksudkan dengan butiran Akaun Realisasi RM400?

- A Membayar belanja realisasi
- B Baki pemiutang yang belum dijelaskan semasa pembubaran
- C Keuntungan yang diperoleh selepas penjelasan hutang kepada pemiutang
- D Menerima diskaun daripada pemiutang kerana menjelaskan hutang semasa pembubaran.

35 Modal berdaftar Dunia Kota Berhad terdiri daripada :

5 000 000 unit saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dan

2 000 000 unit 5% saham keutamaan bernilai RM0.50 sesaham.

Syarikat menerbitkan 2 000 000 unit saham biasa dan semua saham keutamaan pada nilai tara.

Berapakah modal diterbitkan?

A RM2 050 000

B RM2 100 000

C RM3 000 000

D RM4 000 000

36 Modal diterbitkan ialah 2 000 000 unit saham biasa bernilai RM0.50 setiap satu dan 1 500 000 saham keutamaan 8% bernilai RM0.50 setiap satu. Berikut ialah keuntungan yang diperuntukkan bagi tahun 2009 hingga 2012.

Tahun	Keuntungan Diperuntukkan
2009	RM150 000
2010	RM70 000
2011	Tiada
2012	RM125 000

Berapakah jumlah dividen tertunggak saham keutamaan bagi tahun 2011 ?

A RM48 000

B RM60 000

C RM72 000

D RM80 000

37 Antara berikut, yang manakah ciri-ciri saham biasa?

- I Dividen dibayar terdahulu
- II Mempunyai hak mengundi
- III Mempunyai hak menuntut dividen tunggakan
- IV Kadar dividen bergantung kepada keuntungan syarikat

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

38 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Ezjoy bagi tahun berakhir 30 April 2014:

	RM
Jualan tunai	35 000
Jualan kredit	45 600
Belian tunai	29 800
Belian kredit	32 110
Penghutang	8 600
Pemiutang	9 400
Modal	58 000

Berapakah tempoh purata bayaran hutang oleh Perniagaan Ezjoy?

- A 55 hari
- B 69 hari
- C 90 hari
- D 107 hari

- 39 En. Badaruddin, pemilik Perniagaan Maju Badar ingin mengetahui kemampuan perniagaannya membayar hutang jangka pendek bagi satu tempoh perakaunan.

Apakah analisis yang sesuai digunakan oleh En. Badar bagi tujuan tersebut?

- A Peratus untung kasar atas jualan
 - B Kadar pusing ganti stok
 - C Pulangan atas modal
 - D Modal kerja
- 40 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan Kedai Perabot Sasa pada 31 Mac 2014:

	RM
Jualan	65 000
Stok pada 1 April 2013	6 500
Stok pada 31 Mac 2014	5 500

Untung kasar adalah 40% daripada jualan. Hitungkan kadar pusing ganti stok kedai ini.

- A 4.33 kali
- B 6.50 kali
- C 10.83 kali
- D 15.17 kali